



# Mutiara Berita



Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak  
(Sarawak Federation of Women's Institutes)

BIL 139 JAN-JUN 2019

Di pentas utama semasa Perasmian Bazaaria @ PPWS dan Pelancaran Buku Resipi Aneka Cucur PPWS



## Bazaaria @ PPWS

27 APRIL 2019

PASARAYA MYDIN, PETRA JAYA

Demonstrasi Masakan Cucur oleh PPWS Cawangan Green



Tetamu kehormat melawat gerai jualan diiringi oleh Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS



Tetamu Kehormat melihat sesi demonstrasi kraftangan keringkam oleh Puan Zainab Muhi dan Puan Salbiah Muhi



Program ini telah berlangsung selama satu (1) hari dengan tujuan membantu mempromosikan produk usahanita PPWS kepada orang ramai selain meningkatkan sumber ekonomi ahli-ahli PPWS melalui aktiviti jualan.

Selain aktiviti jualan oleh 21 buah gerai, Pelancaran Buku Resipi Aneka Cucur PPWS turut diadakan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang. Buku Resipi Aneka Cucur ini dijual pada harga RM10.00 senaskhah dan boleh didapati di Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Tujuan buku resipi ini diterbitkan ialah untuk meraikan ulang tahun ke-55 PPWS. Resipi cucur dalam buku ini telah dipertandingkan dan diuji rasa oleh hakim masakan dan ahli-ahli PPWS seluruh Sarawak.

Selain itu, aktiviti-aktiviti lain yang diadakan ialah Pertandingan Mewarna kategori ibu bapa dan anak-anak, Pertandingan Gubahan Buah, Pertandingan Gubahan Bunga, sesi demonstrasi masakan Cucur Epal serta Cucur Lobak Kentang oleh PPWS Cawangan Green dan sesi demonstrasi kraftangan keringkam oleh ahli PPWS iaitu Puan Zainab Muhi dan Puan Salbiah Muhi.

Agensi yang turut menyertai Bazaaria @ PPWS ini ialah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (Sarawak), SME Corporation Malaysia (Sarawak), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dan Tekun Nasional Pejabat Negeri Sarawak.

Program ini telah dikelolakan oleh Jawatankuasa Kecil Keusahawanan yang dipengerusikan oleh Puan Hajah Aishah Edris dengan kerjasama PPWS Daerah Kuching.

# Perutusan

## Pengerusi Negeri



PPWS menyambut Ulang Tahun Ke-57 pada tahun ini (tahun 2019) dan Sri Aman akan menjadi tuan rumah sambutan Peringkat Negeri pada bulan Ogos 2019 nanti.

Untuk makluman semua, pada tahun 1969, PPWS telah memutuskan supaya menetapkan satu tarikh untuk ahli-ahli berkumpul dan menyambut penubuhan PPWS. Tarikh yang dipilih ialah 5 Mei dan dikenali sebagai Hari Perkumpulan Wanita. Pada tahun 1987 semasa PPWS menyambut Ulang Tahun Ke-25, Kerajaan Sarawak telah memberi penghormatan kepada PPWS dengan memasukkan 5 Mei sebagai Hari Perkumpulan Wanita dalam Almanac Kerajaan Sarawak.

Dalam usia kita sudah menjangkau 57 tahun, PPWS sudah melalui pelbagai perubahan atau transformasi dengan sentiasa berusaha mencari kaedah baru untuk mendukung aspirasi kerajaan dalam memperkasakan wanita terutamanya di luar bandar. Setiap pelaksanaan inisiatif atau program berteraskan kepada usaha memperkasakan wanita dalam bidang keusahawanan, kemahiran, kesejahteraan keluarga dan kesihatan, pengurusan organisasi dan juga projek khidmat masyarakat.

Antara aktiviti yang telah dirangka dan telah dilaksanakan dengan jayanya ialah projek BazaaRia @ PPWS di Pasaraya Mydin Petra Jaya sempena menyambut ketibaan bulan puasa yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang, isteri kepada Ketua Menteri Sarawak. Program ini adalah salah satu inisiatif baru keusahawanan PPWS bagi membantu ahli PPWS yang berminat dalam berniaga dan persediaan mereka menyertai bazaar ramadan seterusnya untuk menjual produk mereka.

Kepercayaan juga diberi kepada ahli-ahli PPWS untuk melakukan demonstrasi masakan tradisional Sarawak, iaitu bubur pedas dan linut serta menyediakan kuih tradisional untuk santapan sempena lawatan Yang Amat Mulia Permaisuri Agung Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ke Muzium Rannee di Mahkamah Lama, Kuching.

Kita sedia maklum, untuk memastikan kejayaan sesuatu aktiviti mahu pun program, memerlukan perancangan yang rapi, pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan. Di samping itu, mereka yang terlibat hendaklah memberi komitmen yang tinggi, selain melaksanakannya dengan kreatif dan inovatif.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Norjanah binti Haji Razali atas pemilihan beliau sebagai Presiden Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh sempena Persidangan ACWW di Melbourne, Australia pada 7 April 2019.

Dengan ini saya menyeru kepada ahli-ahli PPWS mengambil kesempatan dan peluang keemasan daripada persekitaran yang kondusif yang diwujudkan oleh PPWS mahupun oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk bertindak secara lebih proaktif dengan membuka minda sebagai individu yang mampu bersaing dan berdaya maju dalam apa keadaan pun apatah lagi kita berhadapan dengan dunia digital pada masa sekarang.

**DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI ISMAIL**  
Pengerusi Negeri,  
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)  
Sesi 2018-2020



**PERSEKUTUAN PERKUMPULAN  
WANITA SARAWAK**

**JOM SERTAI KAMI  
COME JOIN US**



<http://www.ppws.org.my>



sfwi62@hotmail.com  
sfwi62@yahoo.com



082-244015



082-237395



Ppws HQ



Ibu Pejabat PPWS,  
Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71,  
Jalan Green, 93150 Kuching



Layari  
[http://www.ppws.org.  
my/mutiara-berita](http://www.ppws.org.my/mutiara-berita)  
untuk mendapatkan edisi  
e-Mutiara Berita PPWS

## Mesyuarat Penyelarasan Sumbangsih Gawai Raya 2019

13 MAC 2019

**WISMA WANITA, SAMARIANG**

PPWS bersama NGO lain turut dijemput menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Sumbangsih Gawai Raya 2019 anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS). Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Noriah Ahmad, Pengarah JWKS.

Tujuan program ini diadakan ialah untuk memberi sumbangan kuih raya kepada pasukan beruniform yang berjauhan dengan keluarga dan terpaksa bekerja semasa sambutan Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri. PPWS bersama NGO wanita lain setiap tahun akan mengumpulkan ahli-ahlinya untuk membantu semasa sesi pembungkusan kuih raya ini bersama JWKS.

Wakil PPWS yang hadir ke mesyuarat tersebut ialah Puan Hajah Hanipah Fauziah, Setiausaha Kehormat PPWS, Puan Hajah Aishah Edris Pengerusi Jawatankuasa Kecil Keusahawanan dan Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



Semua menunjukkan ikon 'W' yang bermaksud WANITA

**Berita  
IBU PEJABAT**

## Program Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2019

15 MAC 2019

**BANGUNAN KWSP, KUCHING**

Program Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2019 yang julung kali diadakan oleh KWSP Negeri Sarawak dengan kerjasama NGO Wanita Sarawak dirasmikan oleh Encik Aminuddin Abdul Aziz, Pengarah KWSP Negeri Sarawak. Taklimat bertajuk "Empowering Women Towards Financial Freedom" turut disampaikan oleh Encik Ronney, Pegawai dari KWSP.

Turut hadir mengetuai rombongan PPWS ialah Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.

Pelbagai kemudahan disediakan KWSP berkenaan simpanan kewangan yang perlu diambil peluang oleh golongan suri rumah, wanita bekerjaya di sektor korporat, maupun bekerja di rumah dan golongan muda seawal usia 15 tahun.

PPWS yang telah ditubuhkan di Negeri Sarawak sejak tahun 1962, bukan hanya melibatkan diri dengan wanita bandar dan luar bandar malah menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi luar, badan kerajaan maupun swasta demi untuk mencari peluang membantu wanita meningkatkan kemajuan golongan wanita dalam pelbagai bidang.



Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS menerima simbolik kek sempena Hari Wanita Antarabangsa daripada Pengarah KWSP Negeri Sarawak, Encik Aminuddin Abdul Aziz



Gambar kenangan bersama semua yang hadir pada program tersebut

## Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Tahun 2019 Peringkat Negeri

20 MAC 2019

**IBU PEJABAT PPWS, KUCHING**

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Tahun 2019 Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail telah berlangsung pada 20 Mac 2019 di Kuching, Sarawak.

Wakil-wakil delegasi dari Kawasan Kuching/Samarahan, Kawasan Sri Aman, Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit, Kawasan Miri/Bintulu dan Kawasan Limbang/Lawas.

Mesyuarat membentangkan Laporan Aktiviti di peringkat Cawangan, Daerah dan Kawasan serta Laporan Kewangan di peringkat Ibu Pejabat PPWS dan Pejabat Kawasan PPWS.

Turut hadir ialah wakil dari rakan strategik PPWS dari Agensi Kerajaan iaitu Jabatan Penerangan Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak dan KEMAS Sarawak. Agensi yang hadir berkongsi program atau bantuan yang diwujudkan kepada golongan sasaran.



## Jamuan Makan Malam sempena Perjumpaan Tahunan PPWS Tahun 2019 Peringkat Negeri

**20 MAC 2019  
HOTEL SERAPI, KUCHING**

Jamuan makan malam ini telah dihadiri oleh wakil PPWS dari Kawasan dan juga wakil Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS).

PPWS amat bertuah sekali kerana Kapten (B) Mohd Nasir, pemilik Hotel Serapi, Kuching dapat berkongsi pengalaman beliau dalam menjalankan perniagaan dari mula hingga wujudnya Hotel Serapi di Jalan Kulas, Kuching. Sesi perkongsian ini diharap dapat dijadikan ikhtibar oleh ahli-ahli PPWS untuk lebih maju dalam bidang perniagaan.

Beliau menyatakan, untuk berjaya dalam perniagaan perlu ada:

1. Impian/Cita-cita
2. Ilmu Perniagaan
3. Hubungan luar/Networking
4. Sokongan kuat daripada keluarga, kakitangan dan rakan-rakan

Tetamu yang hadir pada jamuan makan malam tersebut



Wakil-wakil dari Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS) yang hadir pada jamuan malam tersebut



Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri yang hadir ke jamuan malam tersebut

## Lawatan ke Pejabat FAMA Sarawak

**21 MAC 2019  
KUBAH RIA, SATOK**

Seramai 35 orang wakil-wakil dari setiap bahagian dari Kuching/Samarahan, Sri Aman, Sibul/Sarikei/Kapit, Miri/Bintulu dan Limbang/Lawas menyertai rombongan ini sempena Program Perjumpaan Tahunan PPWS 2019 Peringkat Negeri. Penasihat PPWS, YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid turut hadir. Rombongan PPWS disambut oleh Yang Berusaha Encik Abdul Jaafar Lian, Timbalan Pengarah FAMA Sarawak. Beliau turut memberi taklimat berkenaan FAMA Sarawak.

10 orang usahanita PPWS Daerah Kuching turut menyertai lawatan ini untuk sama-sama mengetahui bantuan atau sokongan yang ada disediakan oleh pihak FAMA Sarawak.

PPWS mempunyai seramai lebih kurang 500 orang usahanita seluruh Sarawak yang menceburi bidang jualan makanan kering, basah, kraftangan, jahitan dan sebagainya. Mereka ini ada yang mendapatkan bantuan dari pihak Kemas, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Diharap program ini dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir pada hari ini. PPWS merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak FAMA Sarawak atas hospitaliti yang diberikan.



## Lawatan ke Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) Sarawak

**21 APRIL 2019  
PEJABAT PUNB SARAWAK, SATOK**

Seramai tiga puluh lima (35) orang ahli PPWS mengikuti lawatan yang telah diatur ke Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) Sarawak pada 21 April 2019. Taklimat dari PUNB Sarawak berkenaan bantuan perniagaan telah disampaikan oleh Puan Aqila Abdul Razak.

Turut diadakan ialah sesi perkongsian oleh Puan Mazlina Ayu, Pengasas/Ketua Eksekutif Chinta Ayu Beauty. Beliau merupakan salah seorang usahawan berjaya di bawah bimbingan PUNB Sarawak.



# Persidangan Ke-29 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW)

**4 - 10 APRIL 2019  
MELBOURNE, AUSTRALIA**

Seramai sembilan (9) orang rombongan dari Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) menghadiri Persidangan Ke-29 Associated Country Women of the World (ACWW) bertempat di Melbourne Convention and Exhibition Centre (MCEC). Rombongan ini telah diketuai oleh Dato Hajah Norhyati Ismail yang merupakan Pengerusi Negeri PPWS. Turut mengikuti rombongan ini ialah:

1. Puan Rhoanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS
2. Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said, Setiausaha Kehormat PPWS
3. Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah, Exco PPWS Limbang/Lawas
4. Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha, Exco PPWS Sibul/Sarikei/Kapit
5. Kaunselor Puan Tan Eng Siang, Pengerusi PPWS Sri Aman
6. Puan Hilda Mesen Mayor, Exco PPWS Miri/Bintulu
7. Puan Hajah Zainab Tambi, Ahli Seumur Hidup PPWS

Persidangan kali ini telah mempertandingkan calon wanita dari Sarawak, Malaysia iaitu Puan Norjanah Haji Razali, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS dalam jawatan Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh Bagi Sesi 2019-2022. PPWS bangga dengan kemenangan beliau sebagai Presiden ACWW Kawasan bagi sesi 2019-2022.

Persidangan kali ini bertemakan "90 Years of Achievements, Building 90 Years of Opportunities". Ucapan dari YAB Ketua Menteri Sarawak turut dibaca oleh Presiden ACWW, Mrs Ruth Shanks semasa Perasmian Persidangan ini diadakan. YAB Ketua Menteri mengucapkan selamat maju jaya dan semoga persidangan ini nanti menjadi medan/platform untuk pemimpin wanita NGO bersuara agar didengar oleh seluruh dunia dalam misi untuk meningkatkan taraf golongan wanita dan kanak-kanak di luar bandar.

Persidangan kali ini penting dalam membincangkan resolusi dan rekomendasi dari NGO berpengaruh dari seluruh dunia untuk diketengahkan ke United Nations (UN). Antara polisi yang akan dibincangkan semasa Persidangan ACWW Ke-29 ini ialah:

Turut diadakan semasa persidangan ini ialah pembentangan kertas kerja atau taklimat berkenaan isu atau usaha dalam memartabatkan golongan wanita dan kanak-kanak seluruh dunia dan Majlis Pelancaran Buku Sejarah ACWW Sempena Ulang Tahun Ke-90.

1.	<b>Pertindungan terhadap hidupan marin</b>
2.	<b>Isu penggunaan plastik yang boleh mencemarkan alam sekitar</b>
3.	<b>Usaha dalam mengurangkan pencemaran gas rumah hijau (climate change) melalui Paris Climate Agreement 2015</b>
4.	<b>Pertindungan kepada serangga pollinator/lebah yang dapat memberi manfaat kepada tumbuhan</b>
5.	<b>Isu hak-hak pekerja wanita dalam bidang tekstil dan pakaian seperti yang dibincangkan semasa Konvensyen Pertubuhan Pekerja Antarabangsa.</b>
6.	<b>Isu keganasan rumah tangga</b>
7.	<b>Sensitiviti terhadap penjagaan kesihatan dalam kalangan kanak-kanak, lelaki dan wanita</b>
8.	<b>Kesihatan dan nutrisi</b>
9.	<b>Isu Rabies di luar bandar</b>
10.	<b>Q Fever (Query Fever) pada haiwan ternakan biri-biri dan kambing</b>
11.	<b>Kemudahan tandas yang selamat untuk luar bandar</b>

*Greetings from  
the Sarawak Government of Malaysia*



The Right Honourable Chief Minister of Sarawak  
Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari

I wish to congratulate and convey my highest regard to the host of the 29th Triennial World Conference of the Associated Country Women of the World at the Melbourne Convention and Exhibition Centre, Australia.

Given that the theme for this triennium is "90 Years of Achievements, Building 90 Years of Opportunities" goes to show how much hard work in the 90 long years that the ACWW had soldiered through had produced results and is still paving the way or more excitement 90 years on.

I believe that all those participating - women worldwide - will get together to have more member societies recognised, to decide on policies to benefit women, and to come up with resolutions and recommendations on various issues. This is the time for women to share compassion and knowledge, while building lifelong relationships across the globe.

I wish ACWW a successful and memorable conference. May your voices heard in your mission to improve the conditions for women and children and make life better for families, especially for those living in rural and remote places all over the world.

Wishing you all the very best.



▼ Gambar kenangan di Yarra River berhampiran dengan Melbourne Convention and Exhibition Centre, Melbourne



▼ Pemilihan Puan Norjanah binti Haji Razali sebagai Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh Bagi Sesi 2019-2022



▶ Sesi plenari yang dihadiri oleh semua wakil delegasi dan pemerhati di dalam dewan Melbourne Convention and Exhibition Centre, Melbourne



▶ Kraftangan "crochet" dari rekaan pokok yang dihasilkan oleh ahli ACWW serta dunia dipamerkan untuk diundi oleh wakil-wakil persidangan

**Sesi Demonstrasi  
Masakan Sarawak  
sempena Lawatan Rasmi Raja  
Permaisuri Agung ke Kuching**  
**26 APRIL 2019**  
**BANGUNAN MAHKAMAH LAMA, KUCHING**



Jemputan kepada PPWS untuk membuat demonstrasi masakan Bubur Pedas Sarawak dan Linut sempena Lawatan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Raja Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ke Kuching.

**Program Youth Chef  
Challenge**  
**27 APRIL 2019**  
**KOMPLEKS BELIA SUKAN  
NEGERI SARAWAK,  
KUCHING**



Program ini diadakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak dengan anjuran bersama PPWS, PAWADA dan Pembina Sarawak. Seramai 10 buah kumpulan telah menyertai Pertandingan Masakan Sihat ini.

Seorang ahli PPWS telah dilantik menjadi juri iaitu Puan Annie Tan Mei Lee.



**Majlis Jamuan sempena Hari PPWS**  
**5 MEI 2019**  
**HOTEL MERDEKA PALACE, KUCHING**

Seramai 100 orang wakil ahli-ahli PPWS berlainan bangsa dan agama dari Daerah di Kawasan Kuching/Samarahan telah dijemput hadir ke Majlis Jamuan sempena Hari PPWS ini. Hari PPWS pada 5 Mei ini telah diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kerana hari istimewa ini tercatat dalam Kalender Alamanac Sarawak pada setiap tahun sejak 1987.

PPWS telah ditubuhkan sejak tahun 1962 di Negeri Sarawak. Pengasas PPWS ialah Miss Elizabeth O'Kelly. Misi PPWS ialah mencapai potensi wanita dan meningkatkan kesejahteraan mereka dalam semua bidang ke arah keamanan dan kemakmuran negara. Manakala Visi PPWS berazam untuk memberi peluang kepada wanita mencapai potensi dalam semua bidang serta meningkatkan keadaan hidup dan taraf mereka menerusi kegiatan-kegiatan yang teratur dan membina.

Majlis jamuan ini turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid, Penasihat PPWS, Bekas Pengerusi-Pengerusi Negeri PPWS dan Ahli-ahli Seumur Hidup PPWS. Turut hadir ialah Puan Rashidah Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak dan Puan Hadiah Ramli, Wakil Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.

Turut dijemput bagi mendeklamasikan sajak sempena Hari PPWS pada hari tersebut ialah Puan Rosani Hiplee. Beliau telah menulis coretan puisi "Wanita Berhati Indah" khas untuk ahli-ahli PPWS seramai 15,000 orang di seluruh Sarawak. Puan Rosani Hiplee pernah menerima Anugerah Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan Anugerah Hadiah Sastera Negeri Sarawak.



Sesi pematangan pulut kuning bagi meraikan Hari PPWS

*Puisi Wanita Yang Berhati Indah*

Dari birai jendela Darul Hana  
berbayang sesusuk wanita  
dengan rambut mengurai pesona  
mahakarya Tuhan dari syurga.

Selalu, dirinya berteleku merenung jauh  
meneliti lekuk-lekuk garis takdir getir  
wanita-wanita ibu pertiwi, agar  
terus gigih membanting tenaga usia demi masa depan  
terus tabah memugar benih ilmu demi kematangan  
terus teguh memajukan ladang sejahtera demi kehidupan.

Adakala, tanah negeri ini berbisik pada hati perempuannya  
bahawa partisipasimu amat penting dalam pembinaan negara  
kerana alun merdu suaramu mampu menggugah tangkai hati  
sekalipun kerap dianggap lemah dan manja oleh lelaki belantara.

Percayalah, bahawa susuk wanita hebat  
adalah malaikat yang dikirim dengan syarat  
bertahan dengan kudrat  
bertindung dengan kuat  
berlawan dengan semangat  
hingga air mata menjadi api  
dalam perjuangan membangunkan negara bangsa.

Sungguh, gender perempuan itu menakjubkan!  
Meski hati mudah hancur ribuan kali  
senyumnya terlakar mulus di belahan bibir sabar  
deritanya tersimpan rapi di sebalik selendang doa  
hingga raganya ampuh menahan sakit tidak terperi  
untuk terus bangkit berjuang dengan berani  
kerana fitrah naturi srikandi  
tak hanya membela kaumnya  
tapi juga menjadi agen perubahan era  
demi pelestarian generasi bertamadun.

Di pangkuan wanita yang berhati indah  
adalah tempat berbagi cerita dan impian  
kerana tulus kasih sayang dan cintanya  
memerikan jiwa bidadari yang didambakan,  
keanggunan sejati ibunda kita.

5 Mei 2019  
Hotel Merdeka Palace, Kuching

#ROSANI HIPLEE.



## PPWS bantu golongan wanita di Kampung Pinggan Jaya tingkatkan pendapatan ekonomi keluarga

Penubuhan PPWS Cawangan Pinggan Jaya di Kota Samarahan telah ditubuhkan dengan jayanya oleh PPWS Kawasan Kuching/Samarahan pada 23 Februari 2019 dengan objektif utama membantu golongan wanita di sana meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga. Wanita PPWS yang hadir berpeluang melihat sendiri proses menghasilkan gula apung Sarawak yang bermutu dan demonstrasi menghasilkan kuih-kuih asli Sarawak menggunakan bahan utama gula apung.

Tujuan utama penubuhan PPWS sejak tahun 1962 ialah membantu golongan wanita luar bandar dalam meningkatkan kemahiran mereka. Kemahiran yang dipelajari daripada PPWS secara tidak langsung boleh dijadikan peluang atau sumber bagi pendapatan ekonomi keluarga. Pada tahun ini, Pertubuhan PPWS telahpun berusia 57 tahun.

Kini, PPWS dengan giatnya menganjurkan program berikut untuk ahli-ahlinya yang berjumlah lebih kurang 15,000 orang di seluruh Sarawak iaitu:

1. Pengurusan Organisasi dan Kepimpinan
2. Kemahiran
3. Keusahawanan
4. Program kesejahteraan Keluarga, Kesihatan dan Alam Sekitar
5. Projek Khidmat Masyarakat

Seramai 50 orang wanita PPWS telah hadir ke Majlis Perasmian PPWS Cawangan Pinggan Jaya yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dr Hazlan Abang Haji Hipni, ADUN N05 Demak Laut. Turut hadir wakil PPWS Negeri iaitu Puan Norjanah binti Haji Razali, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS.



YB Dr Hazlan Abang Haji Hipni, ADUN N05 Demak Laut sedang mengacau adunan gula apung sambil disaksikan oleh tetamu yang hadir. Turut sama ialah Puan Norjanah Haji Razali, Timbalan Pengerusi PPWS dan Puan Hasmah Sauni Samat, Pengerusi PPWS Kawasan Kuching/Samarahan

Gambar kenangan beramai-ramai selepas Majlis Perasmian PPWS Kampung Pinggan Jaya, Kota Samarahan



Simbol Terbaik untuk Produk Gula Apung Pinggan Jaya

## Sumbangan Bulan Ramadan - "SFWI Care and Share"

29 Mei 2019

Kampung Bintawa, Kuching



Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi PPWS melalui Program "SFWI Care and Share" yang dipengerusikan oleh Puan Salbiah Abdullah sekali lagi menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada 5 buah keluarga asnaf dalam kalangan ahli-ahli PPWS di Kuching sempena bulan Ramadhan ini.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama PPWS Daerah Kuching.

Sumbangan disampaikan oleh Puan Hasmah Sauni, Pengerusi PPWS Kawasan Kuching/Samarahan dan Puan Norhasyimah Abdullah, Pengerusi PPWS Daerah Kuching.

## Aktiviti Memasak Bubur Lambuk dan Bubur Pedas Sarawak

18 Mei 2019

Betong



Seramai 20 orang ahli dari PPWS Cawangan Kampung Baru Betong mengadakan aktiviti memasak bubur lambuk dan bubur pedas Sarawak sempena bulan puasa. Juadah tersebut kemudiannya diagihkan kepada penduduk kampung. ▲

### Kelas Memasak Bubur Kapur

18 Mei 2019

Stumbin

▶ Kelas memasak Bubur Kapur telah disertai oleh seramai 20 orang ahli dari PPWS Kampung Pangkat.



### Majlis Pra-Gawai

18 Mei 2019

Sri Aman



10 orang ahli PPWS dari Cawangan Kampung Perintah telah menghadiri Majlis Pra-Gawai yang dianjurkan oleh SMK Melugu. Majlis dirasmikan oleh YB Mong anak Dagang, ADUN N.26 Bukit Begunan ▲

### Aktiviti Memasak Bubur Lambuk

23 Mei 2019

Bangunan PPWS  
Sri Aman





## Aktiviti Memasak Kekacang dan Kerepek Sempena Hari Gawai

25 Mei 2019

Meludam



▲ Ahli-ahli dari PPWS Kpg Suak A, Meludam sama-sama bergotong-royong menyediakan kudapan pelbagai kekacang dan kerepek untuk meraikan Hari Gawai yang bakal tiba. ▲

## Sekitar Majlis Ramah Tamah Hari Raya Aidilfitri 2019

7 Jun 2019  
Sri Aman



22 Jun 2019  
Betong



23 Jun 2019 ▲  
Pusa



## Seminar Ajari Aku Wahai Ayah dan Ibu

23 Januari 2019, Sibu



Seramai 20 orang ahli PPWS Daerah Sibu hadir ke seminar tersebut ▲



## Taklimat Pengurusan Tadbir dan Laporan Kewangan

27 Januari 2019,  
Sibu

▲ ▲  
PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit mengadakan taklimat tersebut dengan seramai 30 orang ahli-ahli dari AJK PPWS Daerah Sibu termasuk wakil-wakil dari Cawangan di dalam Daerah Sibu



## Kunjungan ke Rumah Terbuka sempena Tahun Baru Cina

▲  
AJK PPWS Daerah Mukah telah berkunjung ke rumah terbuka sempena perayaan Tahun Baru Cina pada 5 Februari 2019 di Mukah



## Kelas Ekonomi

10 Februari 2019, Sibu

▲  
Seramai 30 orang ahli dari PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibu mengadakan kelas mempelajari sendiri cara-cara membuat Kek Cheese Coklat dan Kek Lady Bee Berkasih. Ilmu sebegini dapat digunapakai untuk dijadikan produk jualan dan menjana pendapatan sampingan kepada ahli-ahli



## Program Ziarah Cakna Kebajikan



▲ AJK PPWS Cawangan Abang Barieng melawat Puan Fatimah Edat dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga ini pada 26 April 2019 di Sibu



▲ AJK Cawangan Abang Barieng Sibu melawat Puan Hashimah Laili untuk memberi sedikit sumbangan selepas kematian suaminya pada 5 Mei 2019 di Sibu



▲ PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit melawat tapak kebakaran di Kampung Baru, Sibu dan memberi sumbangan kepada 7 orang ahli PPWS yang ditimpa musibah daripada kebakaran ini. Lawatan ini telah diadakan pada 24 Mac 2019 dan diketuai oleh Puan Fatimah Haji Narawi, Pengerusi PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit



## Program Jom Sihat

1 April 2019,  
Sibu



▲  
PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibu telah menganjurkan aktiviti senaman melalui Program Jom Sihat



## Aktiviti Membuat Kek dan Biskut

17 April 2019  
Daro

▲  
Seramai 15 orang ahli dari PPWS Daerah Daro berkumpul untuk belajar membuat biskut dan kek



## Aktiviti Gotong Royong Membersih Masjid

27 & 28 April 2019



▲ Aktiviti gotong royong di Masjid Tunku Abdul Rahman, Daro telah disertai oleh seramai 22 orang ahli PPWS Daerah Daro pada 27 April 2019



▲ Aktiviti gotong royong di Masjid Darul Istiqamah, Sibul telah disertai oleh seramai 10 orang ahli PPWS Cawangan Sukun pada 28 April 2019

**Berita Kawasan**  
Sibu / Sarikei / Kapit

## Program Menginfaqi Kasih Di Hati Kami

11 Mei 2019  
Sibu



▲ PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibul telah mengadakan jamuan iftar dan memberi sumbangan kepada 35 orang anak yatim dan golongan asnaf sempena bulan Ramadan

## Program Kasih di Hati Kami

18 Mei 2019, Sibul

▶ Seramai 120 orang dari golongan anak yatim dan asnaf telah menerima sumbangan duit raya sumbangan dari PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibul



## Jamuan Hari Ibu dan Hari PPWS

18 Mei 2019

Kapit



▲ Seramai 40 orang ahli dari PPWS Daerah Kapit mengadakan jamuan sempena Hari Ibu dan meraikan Hari PPWS.

## Program Sumbangan Raya

23 Mei 2019, Sibul



▲ Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dr Haji Annuar Bin Haji Rapae, ADUN Nangka. Sumbangan Raya ini diberikan kepada anak-anak yatim dan golongan asnaf. Program ini dihadiri oleh seramai 32 orang.

## Sumbangan Makanan kepada Petugas Penjara Sibul

23 Mei 2019, Sibul



▲ Sumbangan makanan (bubur pedas dan kuih-muih) telah disampaikan oleh PWS Daerah Sibul pada bulan Ramadan kepada petugas-petugas di Penjara Sibul

## Sumbangan Bubur Pedas kepada Orang Awam

23 Mei 2019, Sibul



▲ Sumbangan bubur pedas telah diagihkan kepada orang awam yang lalu lalang di hadapan bangunan PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit di Jalan Awang Ramli Amit, Sibul

## Majlis Riang Ria Aidilfitri

15 Jun 2019

Sibul



▶ Seramai 100 orang ahli PPWS telah meraikan bersama-sama sambutan Hari Raya melalui Majlis Riang Ria Aidilfitri anjuran PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibul

## Majlis Gawai Raya 2019 anjuran PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit dan PPWS Daerah Sibul

23 Jun 2019, Sibul



▶ Majlis ini telah disambut bersama 70 orang ahli-ahli dari PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit. Turut hadir ialah Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha dan Yang Berbahagia Datin Mary Masing, Exco PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit

**Mesyuarat Perjumpaan  
Tahunan 2019  
Daerah Bekenu**  
19 Januari 2019,  
Rumah PPWS Bekenu



**Aktiviti Plogging & Jogging**  
2 Mac 2019, Bintulu



▲ Aktiviti *Plogging* & *Jogging* serta mengutip sampah di Kawasan pantai Tanjung Batu dan kawasan letak kereta Taman Tumbina Bintulu

**Kelas Demonstrasi Kek Lapis Premium**  
6 April 2019  
Bangunan PPWS Miri



▲ Demonstrasi Kek Lapis Premium daripada wakil Kedai Kek Lapis Sajian Sarawak untuk ahli-ahli PPWS Daerah Miri/Lutong

**Sumbangan Kepada Golongan Asnaf anjuran PPWS Daerah Bintulu/Tatau**  
9 April 2019, Daerah Bintulu



PPWS Daerah Bintulu/Tatau telah menyumbangkan sumbangan kepada 60 buah keluarga daif di sekitar Bintulu. Sumbangan barangan serta wang tunai adalah dari dana Cawangan dan juga sumbangan secara individu



Pemilik Kek Lapis Sajjan Sarawak, Puan Sharifah Zuridah Wan Hil menerima cenderhati daripada Pengerusi PPWS Daerah Bekenu, Puan Hazimah Lazim



Para peserta yang hadir ke Kelas Demonstrasi Kek Lapis Premium di Daerah Bekenu

## Aktiviti Bulanan PPWS di Daerah Bekenu

13 April 2019, Rumah PPWS Bekenu



Aktiviti Gotong-Royong (menanam serai, lengkuas dan halia di luar Rumah PPWS Bekenu)



Kelas Menghias Tudung Saji



Kelas Membuat Kuih

## Agihan Bubur Pedas sempena Bulan Puasa

6 Mei 2019, Daerah Bintulu



Jawatankuasa yang memasak menu Bubur Pedas bergambar berasmai-ramai setelah selesai memasak. Bubur pedas ini diagihkan kepada orang ramai melalui masjid dan surau yang berdekatan

## Sambutan Hari PPWS anjuran PPWS Daerah Bintulu/Tatau

5 Mei 2019, NU Hotel, Bintulu



Sambutan Hari PPWS oleh Daerah Bintulu/Tatau telah dihadiri oleh ahli seramai 90 orang

## Sambutan Hari PPWS Ke-57 dan Ramah Tamah Aidilfitri anjuran PPWS Daerah Miri/Lutong

22 Jun 2019

Bangunan PPWS Miri

Sambutan Hari PPWS Daerah Miri/Lutong telah disambut serentak dengan Ramah Tamah Aidilfitri. Turut hadir ialah Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting, ADUN N.73 Piasau sebagai Tetamu Kehormat Majlis dan Puan Suzanne Lee, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak



Ahli paling veteran di Miri yang turut hadir pada majlis tersebut iaitu Puan Hajah Maryam Abdul Hamid, Ahli Seumur Hidup PPWS berusia 89 tahun



Bersempena dengan Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2019 PPWS Kawasan Miri/ Bintulu, Pengelola Kawasan, Puan Khayati Hj Sulaiman telah mendemonstrasi cara menyediakan Acar Umbut Kelapa

## Resipi Acar Umbut Kelapa

### bahan-bahan:

- |                       |   |  |
|-----------------------|---|--|
| Umbut kelapa          | - | dipotong nipis dan diselur dalam air mendidih hingga layu dan ditapis airnya |
| Bawang putih          | - | dimayang halus   |
| Bawang merah          | - | dimayang halus   |
| Cili kisar secukupnya | - |  |
| Udang kering          | - | rendam seketika terlebih dahulu sebelum ditumbuk kasar                       |
| Sedikit cuka          |   |  |
| Garam                 |   |  |
| Gula                  |   |  |
| Minyak masak          |   |  |



### cara memasak:

1. Panaskan minyak masak dalam kualiti.
2. Tumiskan udang kering, masukkan bawang putih, bawang merah dan cili kisar sehingga bahan tersebut garing.
3. Masukkan sedikit cuka, garam dan gula.
4. Akhir sekali masukkan umbut kelapa yang telah diselur.
5. Gaul rata sehingga masak.

Resipi dikongsikan oleh:  
Puan Khayati Sulaiman  
Pengelola PPWS Kawasan Miri/Bintulu

## Kursus Celik Komputer K-Masjid

Tahniah kepada Pengerusi dan Setiausaha Cawangan PPWS Daerah Limbang kerana berjaya menghabiskan Kursus Komputer (Kursus Celik Komputer K-Masjid) selama 3 bulan.

◀ Dari kiri : Puan Sarinah Kefli (PPWS Kampung Bukit Kota), Puan Zuraini Matdaud (PPWS Kampung Pemukat Limbang), Puan Dayang Normah binti Meramit (PPWS Kampung Buang Abai), Encik Mohd Syamsuri Basri (Tenaga Pengajar), Puan Salmah Ali (PPWS Kampung Sibukang) dan Puan Norazila Abdullah (PPWS Kampung Pandam)



## Program Karnival Hari Belia 2019

Antara ahli PPWS di Daerah Limbang yang terlibat dalam Program Karnival Hari Belia 2019. PPWS Daerah Limbang telah diberi tugas untuk menjalankan 8 jenis pertandingan sepanjang 3 hari program ini berlangsung.

Duduk di depan : Pengerusi PPWS Kawasan Limbang Lawas Puan Hjh Suridah bt Hj Mohd Superi bersama KR Sufian Mohat, Wali Kota Majlis Daerah Limbang selaku Pengerusi Pengelola Program Karnival Hari Belia 2019 ▶



## Sambutan Hari PPWS Ke-57 dan Majlis Gawai Raya 2019 anjuran PPWS Daerah Limbang

Upacara pemotongan kek sempena Sambutan Hari PPWS ke-57 anjuran PPWS Daerah Limbang. Majlis dirasmikan oleh Puan Hamidah Halfi, Penolong Pegawai Daerah Limbang. Majlis turut dihadiri Pegawai KEMAS Bahagian Limbang, Pegawai Perpaduan Bahagian Limbang serta wakil dari Persatuan NGO lain ▶



◀ PPWS Sakura satu-satunya Cawangan berbangsa Cina yang terdapat di Kawasan Limbang /Lawas sama-sama turut memeriahkan Majlis Gawai Raya 2019 & Sambutan Hari PPWS Ke-57



**Nama Usahawan : ZAHARAH BUSTAMI**  
**Jenis Perniagaan : KUIH MUIH & MAKANAN KERING**  
**Nama Syarikat : MAZARA ENTERPRISE**  
**No. Telefon : 011251312572**

*Beliau mula menyertai Pertubuhan Sukarela PPWS pada tahun 2011. Banyak yang beliau pelajari dalam PPWS terutamanya dalam bidang masakan seperti kuih muih termasuk kuih-kuih kering dan pelbagai jenis kek.*

*Setiap kali PPWS mengadakan program, beliau akan turut serta bagi menambah ilmu untuk meningkatkan lagi ilmu dalam bidang keusahawanan. Beliau berharap agar lebih ramai wanita yang menceburi bidang keusahawanan ini terutama dari setiap Daerah agar PPWS semakin aktif. PPWS merupakan penggerak utama usahawan wanita di setiap Daerah serta merupakan Pertubuhan yang lebih dekat dengan masyarakat setempat.*

**Berita  
KOPERWANIS**

**Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Perkumpulan  
Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS)**

**19 MAC 2019**

**IBU PEJABAT PPWS, KUCHING**



Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi telah dipengerusikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi KOPERWANIS. Mesyuarat pada kali ini telah melantik dua (2) orang anggota baru sebagai Ahli Lembaga iaitu Puan Haironi Sapiee dan Puan Rabiah Amit.

Tahniah diucapkan kepada kumpulan Anggota Lembaga KOPERWANIS bagi tempoh 2019-2020:



Norjanah Haji Razali	<b>Pengerusi</b>
Hajah Hadijah Haji Kassim	<b>Timbalan Pengerusi</b>
Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha	<b>Setiausaha</b>
Salbiah Abdullah	<b>Bendahari</b>
Haidah Nor	<b>Ahli Lembaga Koperasi</b>
Ummu Hani Junaidi	<b>Ahli Lembaga Koperasi</b>
Hasmah Sauni Samat	<b>Ahli Lembaga Koperasi</b>
Haironi Sapiee	<b>Ahli Lembaga Koperasi</b>
Rabiah Amit	<b>Ahli Lembaga Koperasi</b>

**Ucapan Tahniah**

*Setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Norjanah binti Haji Razali atas pemilihan beliau sebagai Presiden Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh bagi sesi 2019-2022 sempena Persidangan ACWW di Melbourne, Australia pada 7 April 2019.*

